

FAKTOR, HALANGAN DAN CADANGAN TERHADAP KEMAHIRAN GENERIK DARI PERSPEKTIF PELAJAR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN: SATU KAJIAN KES

Norliza Mohd Noor¹, Hasliza Zulkifli¹, Seri Bunian Mokhtar¹

¹Politeknik Ungku Omar
lizanoor02@gmail.com
haslizazul@puo.edu.my
mseribunian@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor, halangan dan cadangan terhadap kemahiran generik dari perspektif pelajar sarjana muda kejuruteraan. Kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpul dengan menggunakan satu set soalan terbuka yang dibina berdasarkan objektif kajian dan tinjauan literatur. Faktor, halangan dan cadangan terhadap kemahiran generik dari perspektif pelajar sarjana muda kejuruteraan diperolehi daripada analisis soalan terbuka dalam soal selidik. Data analisis yang diperolehi daripada 72 borang telah dikategorikan kepada konteks kemudahan prasarana, kemahiran kurikulum, konteks pensyarah, konteks pelajar, konteks persekitaran, konteks pengurusan politeknik dan konteks kemahiran sosial. Tiga faktor teratas yang mempengaruhi kemahiran generik pelajar ialah konteks pelajar, pensyarah dan konteks persekitaran. Tiga halangan teratas yang mempengaruhi kemahiran generik pelajar ialah konteks pelajar, persekitaran dan kemudahan prasarana. Tiga cadangan teratas bagi menambahbaik kemahiran generik pelajar ialah konteks konteks pelajar, pensyarah dan persekitaran. Oleh itu, konteks pelajar, konteks pensyarah, konteks persekitaran dan konteks kemudahan prasarana yang disenaraikan sebagai faktor, halangan serta cadangan yang dikemukakan oleh pelajar seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak pengurusan politeknik. Kesemua konteks ini berupaya meningkatkan penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar politeknik.

Kata kunci: Kemahiran generik, pelajar sarjana muda, politeknik, penyelidikan qualitative

1. Pengenalan

Pembangunan modal insan merupakan elemen yang penting dalam menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Menurut Chua (2017),

sesebuah negara yang ingin bersaing di dalam pasaran antarabangsa perlu mempunyai modal insan yang berpengetahuan, menguasai bahasa Inggeris, berkemahiran tinggi, berinovasi, kreatif, beretika dan kompetitif. Ekoran itu, ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi perlu untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Kemahiran generik perlu ada dalam diri seseorang individu bagi menjadikannya modal insan yang cemerlang berasaskan pengetahuan, meningkatkan produktiviti dan sikap berdaya saing (Mohd Hasril et al., 2015). Mohd Hasril & Norasmah (2010) menyatakan kemahiran generik adalah elemen yang telah dikenalpasti mendatangkan kehendak dan keperluan dalam dunia pekerjaan pada masa kini. Kemahiran ini juga bukan hanya diperlukan oleh seseorang graduan dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan malah ianya merupakan elemen penting yang perlu diterapkan kepada pelajar masih berada di institusi pendidikan (Wong et al., 2015). Ini kerana, keperluan pasaran pekerjaan kini yang memerlukan pekerja yang produktif dan berpengetahuan luas selain mempunyai kemahiran dalam bidang akademik.

Menurut Rusmin (2010), permintaan pekerjaan dan mempelbagaikan ruang kemahiran individu adalah berkait rapat dengan globalisasi dan k-ekonomi semasa. Majikan bukan hanya melihat kepada segulung ijazah dalam memilih graduan untuk alam pekerjaan; sebaliknya, melihat kepada gabungan kemahiran insaniah atau dikenali juga sebagai kemahiran bukan teknikal yang dimiliki. Nik Ismail (2010) menyatakan bahawa kemahiran bukan teknikal merupakan satu sikap yang diakui sebagai kecergasan minda yang dapat mengadaptasikan situasi sekeliling, kehendak individu, serta kekuatan kecergasan emosi dan rohani seseorang kepada tindakan yang bersesuaian. Keselarasan kemahiran teknikal dan bukan teknikal yang ada pada diri pelajar institusi pastinya akan meningkatkan kebolehpasaran mereka di industri.

Graduan yang menguasai kemahiran generik dan mempunyai daya saing menjadi pilihan pelajar masa kini (Mohd Izham et al., 2011, Azami et al., 2009, Yusoff et al., 2010). Pelajar menyarankan agar graduan institusi pengajian tinggi perlu dipertingkatkan dari segi penguasaan kemahiran *generik* bagi memenuhi permintaan pasaran kerja (Rahmah et al., 2011; Boardman 2008; Bailey 2009; Seri Bunian 2012). Graduan yang diingini oleh pelajar pada masa kini ialah tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran *employability* (Mohd Yusof et al., 2014). Penguasaan dalam kemahiran generik akan membantu individu di alam dunia kerjaya sebenar (Mohd Yusof & Seri Bunian, 2009). Ahamad (2005) menyatakan pendidik perlu memperluaskan diri dengan kemahiran generik, seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar, kebolehan menguasai bahasa kedua dengan baik serta kemahiran mengguna dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran, sejajar dengan perkembangan dan kemajuan dalam pendidikan tanah air. Mohd Sattar (2010), mencadangkan tenaga pengajar di institusi pengajian perlu mempertingkatkan kefahaman, kaedah penerapan dan penilaian tentang kemahiran generik.

Keupayaan institusi pendidikan menyediakan pelajar yang berkemahiran generik bagi memenuhi permintaan pasaran kerja merupakan penanda aras kejayaan sesebuah institusi (Ai-Hwa Quek, 2005). Bagi mempertingkatkan penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar pengajaran bahasa Inggeris untuk tujuan pekerjaan perlu dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Latisha & Surina, 2010).

Rumusan hasil dari kajian yang lepas membuktikan kemahiran generik bukan sahaja penting dalam dan luar negara. Kemahiran generik (kemahiran bukan teknikal) merupakan isu global namun kajian bagi kemahiran generik di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi masih kurang diterokai oleh pengkaji yang lepas. Bagi menampung kelompongan ini, maka kajian ini telah dilakukan dengan tujuan untuk melihat faktor, halangan dan cadangan kemahiran generik dari perpektif pelajar sarjana muda kejuruteraan di Politeknik dari konteks kemudahan prasarana, kemahiran kurikulum, konteks pensyarah, konteks pelajar, konteks persekitaran, konteks pengurusan politeknik dan konteks kemahiran sosial.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai tingkah laku individu tertentu, keadaan sosial atau peristiwa khusus untuk mengetahui bagaimana tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial berlaku (Chua, 2006). Dapatan kajian yang menggunakan rekabentuk ini (soalan terbuka) dapat memberikan gambaran, maklumat, penerangan, interpretasi dan pemahaman yang mendalam bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk khusus untuk kajian ini (Nurulhuda dan Ramlee, 2009; Mohd Yusof et. al, 2014; Mohammad Hussin, 2006).

Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar sarjana muda kejuruteraan Politeknik Ungku Omar. Pensampelan dilakukan kepada pelajar iaitu seramai 72 orang pelajar sarjana dari jabatan kejuruteraan awam dan mekanikal yang terlibat dalam kajian ini.

Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah soal selidik berbentuk soalan terbuka yang digunakan untuk mengumpul data kualitatif. Ia bertujuan untuk memperoleh maklumat yang lebih mendalam mengenai sesuatu fenomena. Soalan terbuka dalam kajian ini bertujuan bagi memperoleh maklumat lebih mendalam mengenai kemahiran generik dari perpektif pelajar sarjana muda kejuruteraan. Menurut McMillan dan Schumacher (1984) data kualitatif adalah merupakan suatu instrumen kajian untuk mengukur perubahan tingkah laku pelajar di dalam kelas kesan dari pengajaran guru. Kaedah ini juga dapat menterjemahkan makna yang menyebabkan perubahan tingkah laku pelajar.

Kesahan konstruk instrumen kajian ini telah dilakukan oleh lima orang pakar dalam bidang teknikal dan vokasional (*generik*). Pengubahsuaian ayat-ayat soalan terbuka dilakukan mengikut komen pakar dan juga kajian rintis. Dalam kajian ini responden (pelajar) akan menulis jawapan soalan terbuka pada ruangan jawapan dalam soalselidik yang diedarkan. Soalan terbuka yang ditanya kepada pelajar berkaitan faktor, halangan dan cadangan terhadap kemahiran generik dari perspektif pelajar sarjana muda kejuruteraan di Politeknik. Semua data ini telah dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel*.

3. Dapatan Kajian

Analisis data soalan terbuka yang dijalankan adalah berdasarkan kepada tema-tema yang terdapat dalam soalan terbuka bagi menjawab soalan yang dikemukakan (Mohammad Hussin, 2006). Seterusnya data soalan terbuka dianalisis dengan mengguna pendekatan Bogdan dan Biklen (1992) yang melibatkan proses pengurangan data, mempamer data dan membuat kesimpulan.

3.1. Faktor Kemahiran Generik yang dikemukakan oleh Pelajar

Faktor yang mempengaruhi kemahiran generik dari perpektif pelajar sarjana muda kejuruteraan diperolehi daripada analisis soalan terbuka pertama dalam soal selidik yang diberikan kepada pelajar. Data analisis yang diperolehi daripada 72 borang telah dikategorikan berdasarkan konteks kemudahan prasarana, kemahiran kurikulum, konteks pensyarah, konteks pelajar, konteks persekitaran, konteks pengurusan politeknik dan konteks kemahiran sosial. Faktor-faktor yang telah dikemukakan oleh pelajar dirumuskan berdasarkan kekerapan responden dan peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Sebanyak 22 (33.85%) responden menyatakan faktor pelajar yang mempengaruhi kemahiran generik pelajar itu sendiri, 15 (23.08%) responden menyatakan faktor persekitaran, 13 (20.00%) responden menyatakan faktor pensyarah, 6 (9.23%) responden menyatakan faktor kurikulum, 4 (6.15%) responden menyatakan faktor kemahiran sosial, 3 (4.62%) responden menyatakan faktor kemudahan prasarana dan 2 (3.08%) menyatakan faktor pengurusan politeknik.

Jadual 1. Kekerapan Responden Pelajar Terhadap Faktor Kemahiran Generik

Bil	Kategori Faktor	Kekerapan	Peratus
1	Konteks Kemudahan Prasarana	3	4.62
2	Konteks Kurikulum	6	9.23
3	Konteks Pensyarah	13	20.00
4	Konteks Pelajar	22	33.85
5	Konteks Persekitaran	15	23.08
6	Konteks Pengurusan Politeknik	2	3.08
7	Konteks Kemahiran Sosial	4	6.15

Berdasarkan keputusan yang ditunjukkan, tiga faktor yang tertinggi adalah faktor pelajar, faktor persekitaran dan faktor pensyarah.

Antara faktor dari konteks pelajar yang dikemukakan ialah:

Banyakkan latihan; Melakukan tugas-tugas yang diberikan di dalam kelas; Rajin; Belajar berdikari; Menguji diri sendiri dan sokongan orang sekeliling; Minat mendalam, Pemerhatian dan penelitian; Sifat ingin cuba sesuatu yang baharu; Pengalaman dalam sesuatu bidang; Kesungguhan dan rasa ingin mencuba sesuatu yang baharu; Hasil usaha dan garapan dari pelbagai sumber seperti keadaan sekeliling, rakan-rakan, para pensyarah dan motivasi diri yang tinggi; Tak ponteng kelas dan Kemahiran komunikasi.

Antara faktor dari konteks persekitaran yang dikemukakan ialah:

Dorongan dari semua pihak; Rakan kongsi; Cara pembelajaran di dalam kelas; Pembelajaran dan suasana yang selesa dan pelbagai aktiviti; Bantuan rakan-rakan, pensyarah dan orang sekeliling; Keluarga; Bersama rakan-rakan; Memperbayakkan aktiviti di luar kelas; Menjadikan program lebih menyeronokkan; Ramai kawan-kawan yang bijak dan pandai; Suasana sosial di politeknik yang terlalu tertutup dan Rakan-rakan dan pensyarah.

Antara faktor dari konteks pensyarah yang dikemukakan ialah:

Adanya galakkan dari pensyarah untuk menyuarakan idea apabila kelas ataupun semasa makmal dijalankan; Dorongan dari rakan sekelas juga mempengaruhi diri saya untuk meningkatkan kemahiran generik; Melakukan amali; Banyakkan latihan; Lecturers briefing; Melalui tugas-tugas yang diberikan di dalam kelas; Pembelajaran disampaikan secara baik oleh pensyarah; Bantuan rakan-rakan,

pensyarah dan juga orang sekeliling; Tunjuk ajar dan bimbingan pensyarah dan Menjadikan program lebih menyeronokkan.

3.2 Halangan Kemahiran Generik yang dikemukakan oleh Pelajar

Halangan untuk mempertingkatkan kemahiran generik dari perpektif pelajar diperoleh daripada analisis soalan terbuka kedua dalam soal selidik pelajar. Data analisis yang diperolehi daripada 72 borang telah dikategorikan berdasarkan mengikut konteks kemudahan prasarana, kemahiran kurikulum, konteks pensyarah, konteks pelajar, konteks persekitaran, konteks pengurusan politeknik dan konteks kemahiran sosial.

Halangan-halangan yang telah dikemukakan oleh pelajar dirumuskan berdasarkan kekerapan responden dan peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Sebanyak 17 (26.15%) responden menyatakan halangan untuk mempertingkatkan kemahiran generik pelajar kejuruteraan politeknik adalah faktor pelajar itu sendiri, 12 (18.46%) responden menyatakan faktor persekitaran, 6 (9.23%) responden menyatakan faktor kemudahan prasarana, 5 (7.69%) bagi setiap satu, responden menyatakan faktor kurikulum, pensyarah dan kemahiran sosial, dan 2 (3.08%) responden menyatakan disebabkan faktor pengurusan politeknik.

Jadual 2. Kekerapan Responden Pelajar Terhadap Halangan Kemahiran Generik

Bil	Kategori Faktor	Kekerapan	Peratus
1	Konteks Kemudahan Prasarana	6	9.23
2	Konteks Kurikulum	5	7.69
3	Konteks Pensyarah	5	7.69
4	Konteks Pelajar	17	26.15
5	Konteks Persekitaran	12	18.46
6	Konteks Pengurusan Politeknik	2	3.08
7	Konteks Kemahiran Sosial	5	7.69

Berdasarkan keputusan yang ditunjukkan, tiga halangan yang tertinggi adalah dari konteks pelajar, persekitaran dan kemudahan prasarana.

Antara halangan dari konteks pelajar yang dikemukakan ialah:

Terkadang salah faham akan jawapan; Menyuarakan jawapan yang salah semasa kelas ataupun makmal; Berasa sedikit malu dan mungkin akan kurang untuk menjawab apa-apa soalan; Halangan dari pelbagai aspek; Ketakutan; Kekurangan duit; Kekayaan; Laziness; Sumber kewangan atau pun masalah peribadi; Kurang keyakinan diri; Stress yang melampau; Kekangan masa/malu melibatkan diri; Sesetengah pelajar yang kurang serasi antara satu sama lain; Kurang pengalaman dan Kekurangan dan kepayahan untuk menghasil dan menerbitkan idea - idea buah fikiran (perlu lebih kreatif).

Antara halangan dari konteks persekitaran yang dikemukakan ialah:

Ahli kumpulan yang sukar memberi kerjasama; Pengaruh rakan sekeliling yang kurang bermotivasi; Kekurangan kerjasama dalam kumpulan; Hasad dengki dan iri hati orang lain terhadap kelebihan diri; Peruntukan terhad; Tekanan dan masa; Cuaca; Kurang bimbingan dan tunjuk ajar dan Persekitaran.

Antara halangan dari konteks kemudahan prasarana yang dikemukakan ialah:

Fasiliti yang berkurangan yang disediakan oleh pihak penganjur; Sistem paparan didalam kelas kurang jelas (LCD dan sebagainya); Kemahiran dan peralatan yang kurang; Peralatan tidak dapat diguna; LCD kurang jelas, pensyarah kurang memberi penjelasan dan Masalah dengan LCD projektor di dalam kelas.

3.2. Cadangan untuk Menambahbaik Kemahiran Generik yang dikemukakan oleh Pelajar

Cadangan untuk menambahbaik kemahiran generik dari perpektif pelajar diperoleh daripada analisis soalan terbuka ketiga dalam soal selidik. Data analisis yang diperolehi daripada 72 borang telah dikategorikan berdasarkan mengikut konteks kemudahan prasarana, kemahiran kurikulum, konteks pensyarah, konteks pelajar, konteks persekitaran, konteks pengurusan politeknik dan konteks kemahiran sosial.

Cadangan yang telah dikemukakan oleh pelajar dirumuskan berdasarkan kekerapan responden dan peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 3. Sebanyak 45 (69.23%) responden menyatakan cadangan untuk mempertingkatkan kemahiran generik pelajar kejuruteraan politeknik adalah konteks pelajar, 24 (36.92%) responden menyatakan konteks pensyarah, 22(33.85%) responden menyatakan faktor persekitaran, 18 (27.69%) responden menyatakan faktor kurikulum, 17 (26.15%) responden menyatakan faktor kemudahan prasarana, 11 (16.92%) responden menyatakan faktor pengurusan politeknik, 9 (13.85%) responden menyatakan faktor kemahiran sosial.

Jadual 3. Kekerapan Responden Pelajar Terhadap Cadangan Kemahiran Generik

Bil	Kategori Faktor	Kekerapan	Peratus
1	Konteks Kemudahan Prasarana	17	26.15
2	Konteks Kurikulum	18	27.69
3	Konteks Pensyarah	24	36.92
4	Konteks Pelajar	45	69.23
5	Konteks Persekitaran	22	33.85
6	Konteks Pengurusan Politeknik	11	16.92
7	Konteks Kemahiran Sosial	9	13.85

Berdasarkan keputusan yang ditunjukkan, tiga cadangan yang tertinggi adalah dari konteks pelajar, pensyarah dan persekitaran.

Antara cadangan dari konteks pelajar yang dikemukakan ialah:

Penerapan pembelajaran secara hands-on; Memperbanyakkan latihan; Memberi perhatian didalam kelas; Mengadakan komunikasi secara dua hala antara pelajar dan pensyarah; Sentiasa mencuba untuk melakukan perkara baru; Buang segala sikap negatif seperti malas dan suka berangan, bangkit dan terus melangkah; Mengamalkan amalan membaca untuk menambahkan ilmu pengetahuan; Melakukan pembentangan untuk membina kemahiran komunikasi; Menyertai program kepimpinan diri untuk menambahkan keyakinan diri; Banyakkan bergaul; Bekerjasama antara satu sama lain; Meningkatkan keyakinan diri; Perlu pandai membuat pembahagian masa; Sentiasa mahu menceburi pelbagai aktiviti; Melakukan sesuatu kerja dengan suasana yang tenang; Banyakkan kerja berkumpulan; Melibatkan diri dalam aktiviti yang memberi

faedah dari segi kurikulum dan kokurikulum; Sedia menerima cabaran atau halangan dalam apa jua keadaan; dan Lebih bersifat terbuka.

Antara cadangan dari konteks pensyarah yang dikemukakan ialah:

Penyelia/ pensyarah memberi tunjuk ajar dan memberi arahan yang jelas; Pensyarah harus memberi galakkan yang bagus bagi saya untuk tidak berhenti menjawab dan menambah keyakinan; Memperbanyakkan amali; Can arrange lawatan sambil belajar; Mengadakan komunikasi secara dua hala antara pelajar dan pensyarah; Pembelajaran yang lebih sistematik; Membuat penyelidikan dengan lebih luas dan mendalam; Menawarkan aktiviti diluar kelas bagi membanti pemikiran secara terbuka; Pensyarah perlu tumpukan lebih kepada mengajar dan memberikan ilmu kepada pelajar bukan lebih kepada sikap pelajar; Memberi lebih pendedahan berkenaan kemahiran; Berikan lebih penjelasan ataupun contoh ketika mengajar; Memperbanyakkan aktiviti pembelajaran di luar kelas dan Pembelajaran yang lebih menarik.

Antara cadangan dari konteks persekitaran yang dikemukakan ialah:

Pembangunan ilmiah berterusan; Perbincangan melalui kumpulan; Support; Motivasi; Kelas makmal pembuatan yg dihaskan untuk pelajar degree perlu dijaga dengan rapi; Menerapkan aktiviti beriadah bagi member kekuatan jasmani dan daya tahan pelajar; Lebihkan aktiviti yang menyeronokkan; Diberi banyak pendedahan; Jadikan politeknik khususnya PUO sebagai politeknik premier terunggul seharusnya mengadaptasikan cara hidup seperti universiti yang bebas untuk menghasilkan pelajar yang berfikiran terbuka dan mempunyai keakraban dengan politeknik; dan Memperbanyakkan kerja luar berbanding daripada pembelajaran di dalam kelas supaya pelajar dapat menimba pengalaman.

4. Perbincangan dan Kesimpulan

Faktor yang mempengaruhi kemahiran generik dari perpektif pelajar diperolehi daripada analisis soalan terbuka pertama dalam soal selidik pelajar. Tiga faktor teratas yang dikemukakan oleh pelajar ialah dari segi faktor pelajar, faktor persekitaran dan faktor pensyarah. Ketiga-tiga faktor dan item-item yang dinyatakan oleh pelajar seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak pengurusan politeknik bagi mempertingkatkan penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar sarjana muda kejuruteraan politeknik.

Halangan yang mempengaruhi kemahiran generik dari perpektif pelajar diperolehi daripada analisis soalan terbuka kedua dalam soal selidik pelajar. Tiga halangan teratas yang dikemukakan oleh pelajar ialah konteks pelajar, persekitaran dan kemudahan prasarana. Ketiga-tiga halangan dan item-item yang dinyatakan oleh pelajar juga seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak pengurusan politeknik bagi memperbaiki kekurangan yang terdapat dalam sistem politeknik.

Hasil daripada kajian juga telah menghasilkan cadangan untuk menambahbaik kemahiran generik pelajar. Ianya diperolehi daripada analisis soalan terbuka ketiga dalam soal selidik pelajar. Tiga cadangan teratas yang dikemukakan oleh pelajar ialah konteks konteks pelajar, pensyarah dan persekitaran. Ketiga-tiga cadangan dan item-item yang dinyatakan oleh pelajar ini juga perlu mendapat perhatian yang sewajarnya

daripada pihak pengurusan politeknik bagi mempertingkatkan penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar sarjana muda kejuruteraan di politeknik.

Kajian dan dapatan ini diharapkan dapat memberikan gambaran lengkap tentang faktor, halangan dan cadangan terhadap kemahiran generik daripada perpektif pelajar sarjana muda kejuruteraan. Dapatan kajian ini membawa kepada implikasi bahawa tahap kemahiran generik pelajar sarjana muda kejuruteraan politeknik memerlukan penambahbaikan dan pemurnian yang perlu dirancang dan dilaksanakan. Ini bermaksud tahap kemahiran generik pelajar sarjana muda kejuruteraan politeknik perlu dipertingkatkan dengan kaedah pemusatan kepada pelajar itu sendiri serta pihak-pihak terbabit agar segera bertindak terhadap aspek atau elemen yang perlu diberikan penambahbaikan. Begitu juga dengan konteks pensyarah serta persekitaran pembelajaran.

Dapatan dari soalan terbuka menunjukkan konteks pelajar dan persekitaran merupakan elemen yang disenaraikan oleh pelajar dalam faktor, halangan dan cadangan kemahiran generik. Manakala konteks pensyarah. Oleh itu, keempat-empat konteks serta item-item yang disenaraikan oleh pelajar seharusnya disenaraikan dalam faktor dan cadangan. Konteks kemudahan prasarana pula disenaraikan dalam halangan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak pengurusan politeknik bagi mempertingkatkan penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar kejuruteraan politeknik. Antara kajian yang boleh dilakukan pada masa akan datang adalah lebih kepada sampel kajian yang berbeza iaitu perbandingan antara pelajar sarjana muda di universiti, kajian kemahiran generik terhadap pensyarah atau pihak industri. Selain daripada itu, aspek penilaian juga boleh dipelbagaikan untuk pelajar seperti kajian terhadap aspek persekitaran dan teknik pembelajaran.

Rujukan

- Ahamad, S. (2005). *Perutusan Hari Guru 2005*.
<http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.htm> [20 Feb 2009].
- Azami, Z., Yuzainee, M. Y., Mohd. Zaidi, O., Azah, M., Norhamidi, M., & Ramli, M. (2009). Employers Perception towards Engineering generik Skills In Asia. *WSEAS Transactions on Advances in Engineering Education*, 306-315.
- Bailey, S. A. (2009). *Student and employer perceptions of work-based learning in rural Community Colleges in Mississippi*. Thesis PhD: Mississippi State University.
- Boardman, D. S. (2008). *The perceptions held by FFA members of generik skill development associated with agriculture career development events*. Thesis Master: University of Missouri.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative Research for Education (2nd ed.)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Latisha Asmaak Shafie, & Surina Nayan. (2010). generik Awareness among Malaysian Undergraduates. *International Journal of Business and Management Vol. 5, No. 8*;
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in Education*. Boston: Littel, Brown & Company Llimited.
- Mohd Hasril Amiruddin, Norasmah Othman (2010). *Meninjau Keperluan Pendidikan Keusahawanan Berdasarkan Kepada Perspektif Belia Orang Asli di Selatan Malaysia*. Seminar 2nd World Congress On Teacher Education For TVET 2010.

- Mohd Hasril Amiruddin, Noorazman Abd. Samad, Norasmah Othman (2015). *An Investigation Effects Of Mastery Learning Strategy on Entrepreneurship Knowledge Acquisition among Aboriginal Students*.
- Mohamad Hussin, M. Y. (2006). *Penilaian terhadap perancangan dan pelaksanaan program pembelajaran kontekstual di sekolah-sekolah teknik di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Sattar, R. (2010). *Kajian tahap kemahiran kebolehdapatan kerja lulusan program diploma kejuruteraan mekanikal Institus Pengajian Tinggi di Malaysia*. Thesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Izham, M. H., Juriah, L., Khalid, A., Zaini, M., Hamidah, Y., Zarin, I., & Rosima, A. (2011). *Dalam: Zamri Mahamod, Jamalul Lail Wahab & Mohammed Sani Ibrahim Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof, H., & Seri Bunian, M. (2009). Penerapan Kemahiran Generik dalam Program Kejuruteraan di Politeknik Sultan Azlan Shah. Dalam: *Seminar Penyelidikan Pendidikan Teknikal dan Vokasional*. Kuala Lumpur: Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur.
- Mohd Yusof, H., Ramlee, M., Syed A. Malik, S. M., & Seri Bunian, M. (2014). Persepsi Pensyarah Kejuruteraan Terhadap Tahap Kemahiran Empolyability Pelajar Kejuruteraan Institusi Teknikal : Satu Kajian Kes. *First Technical and Vocational Education International Seminar 2014 (TVEIS 2014)* (pp. 157-169). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof, H., Seri Bunian, M., Asro, A. K., & Ramlee, M. (2010). Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah. Dalam: *STSS 2010*. Kuantan: University Teknologi MARA.
- Nik Ismail, N. S. (2010). *Soft skills: The what, the why, the how*. Bangi: Penerbit UKM
- Nurulhuda, C. A., & Ramlee, M. (2009). Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu (A Case Study of SMI Bumiputera Agropreneurs in Terengganu). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2), 143 - 165.
- Quek, A. H. (2005). Learning for the workplace:a case study in graduate employees' generic competencies. *Journal of Workplace Learning*, 17 (4), 231-242.
- Rahmah, I., Ishak, Y., & Lai, W. S. (2011). Employers' perceptions on graduates in Malaysian services sector. *International Business Management* , 5(3), 184-193.
- Rusmin, R. (2010). Graduan 'ulat buku' tak ke mana: 3 kelemahan nyata siswa ialah kurang kemahiran berkomunikasi, tidak pandai bawa diri dan pemikiran kurang kritikal. *Harian Metro*.
- Seri Bunian, M. (2012). *Faktor persekitaran pembelajaran, pendekatan pembelajaran dan kemahiran generik dalam kalangan pelajar politeknik*. Thesis PhD : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wong YM, Rosnidar Mansor & Syakirah Samsudin (2015). *The use of critical reflection manual in writing reflective journal: A case study of Malaysian student teachers' perceptions* GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space.